

03 APR 2001

Samy-MIC

MIC PINDA PERLEMBAGAAN BAGI BOLEHKAN LEBIH BANYAK JAWATAN DIPILIH

KUALA LUMPUR, 3 April -- MIC akan membuat pindaan pada perlembagaannya pada perhimpunan agung parti itu pada Mei bagi membolehkan kesemua jawatan di peringkat cawangan, bahagian dan pusat dipilih dan bukan dilantik seperti sekarang.

Presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, antara jawatan terbabit ialah ketua pemuda dan ketua wanita kebangsaan.

"Pindaan perlembagaan ini membabitkan ketiga-tiga struktur utama parti iaitu di peringkat cawangan, bahagian dan peringkat kebangsaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat lebih tiga jam jawatankuasa kerja pusat MIC di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Samy Vellu berkata pindaan ini tidak membabitkan peringkat negeri kerana ia merupakan badan perhubungan dan kesemua jawatan masih dilantik.

Beliau berkata dengan perubahan ini, lebih banyak pemimpin yang berkebolehan dapat dilahirkan serta boleh menyumbang kepada kemajuan parti dan rakyat.

Melalui pindaan ini, kesemua jawatan di peringkat cawangan iaitu pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha dan bendahari akan dipilih.

Sebelum ini, hanya jawatan pengerusi, timbalan pengerusi, ketua pemuda dan wanita dipilih manakala jawatan lain dilantik.

Di peringkat bahagian pula, pindaan ini membabitkan pemilihan untuk ketua bahagian, penolong ketua bahagian, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari dan ketua penerangan.

Sebelum ini hanya ketua bahagian, penolong ketua bahagian, ketua pemuda dan ketua wanita dipilih manakala jawatan lain dilantik.

Di peringkat kebangsaan pula, pindaan akan dilakukan bagi membolehkan jawatan setiausaha agung, bendahari, ketua penerangan serta ketua pemuda dan wanita dipilih oleh perwakilan, kata Samy.

Pada masa sekarang hanya jawatan presiden, timbalan presiden dan tiga naib presiden dipertandingkan.

Samy Vellu berkata, pindaan juga akan dilakukan bagi membolehkan yuran tahunan keanggotaan dinaikkan daripada RM3 kepada RM4 terutama bagi membiayai program pendidikan dan pembangunan masyarakat India di negara ini.

Perhimpunan agung MIC kali ini akan diadakan di Johor Baharu pada 19 dan 20 Mei dan dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau telah memberikan penerangan kepada ahli-ahli CWC mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP 3) yang dibentangkan oleh Dr Mahathir di Dewan Rakyat hari ini.

Samy Vellu berkata anggota CWC telah meminta beliau supaya mengawasi pelaksanaan program-program membabitkan kepentingan masyarakat India seperti pemilikan ekuiti, perumahan, pendidikan, latihan dan peluang kenaikan pangkat di sektor awam.

Samy berkata kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa kabinet bagi memastikan pelaksanaan program-program RRJP 3 dan beliau juga akan menganggotai jawatankuasa berkenaan.

-- BERNAMA

RV AR FAZ